



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.7/2022  
PADA 27 JULAI 2022 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
  - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, syukur ke hadrat llahi di atas segala limpah kurnia-Nya, di atas kepelbagaian nikmat yang diberikan kepada kita dan diberikan nikmat kesihatan untuk menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga. Baginda SAW, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.
4. Terima kasih saya ucapan kepada Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha Majlis Ketua-ketua Jabatan/Unit, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir bandar raya Seremban. Saya amat berharap, sokongan dan komitmen ini sentiasa berpanjangan dalam usaha untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan merealisasikan penyampaian perkhidmatan dan program-program Majlis.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan ucapan syabas dan tahniah sekali lagi kepada 24 Ahli Majlis yang telah mengangkat sumpah perkhidmatan pada 20 Julai 2022 yang lalu. Selamat datang diucapkan kepada **Tuan Haji Mohd Tariq bin Mohd Kamal**, Ahli Majlis baharu Majlis Bandaraya Seremban dan terima kasih diucapkan kepada En. Abdullah Sani bin Abu Hasan atas khidmat bakti yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau. Perlantikan semula dan pelantikan baharu Ahli Majlis akan menguatkan lagi ikatan keteguhan

Majlis dalam membuat keputusan bersama dengan mengambil kira pandangan wakil masyarakat iaitu Ahli-Ahli Majlis.

6. Sebagai Ahli Majlis, Tuan-tuan dan Puan-puan mempunyai peranan yang besar dalam menjadikan Bandar Raya Seremban sentiasa selari dengan visi dan misi Majlis. Perlantikan ini merupakan satu pengiktirafan yang dihormati disamping satu amanah dan tanggungjawab yang penting dalam melakukan transformasi ke arah kebaikan dan kemajuan PBT. Ahli-ahli majlis juga mestilah peka kepada keperluan dan kepentingan awam serta bertanggungjawab untuk menyumbangkan idea dan kepakaran kepada Majlis dalam memaju dan meningkatkan mutu perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban.
  
7. Justeru itu, saya mengharapkan kerjasama yang terbaik terjalin diantara Ahli Majlis dengan pegawai-pegawai MBS didalam menjalankan tugas harian hendaklah terus diutuhkan kerana hubungan ini akan dapat memantapkan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Bak kata perpatah, ***bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat***. Semoga dengan amanah dan tanggungjawab ini, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan dapat meneruskan lagi komitmen dalam usaha memperkasa penyampaian dan gerak kerja Majlis Bandaraya Seremban.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

8. Pada 1 hingga 3 Julai 2022, telah diadakan Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan di Hotel Amari, Johor Bahru. Objektif Kursus yang diadakan ialah memberi pendedahan dan kefahaman tentang dasar dan peraturan kerajaan mengenai Pengurusan Aset Alih Kerajaan mengikut Pekeliling Pembendaharaan (PPP) terkini malah dapat memberi kesedaran tentang kepentingan Pengurusan Aset dan Stor yang baik dalam pentadbiran awam. Pada kali ini, seramai 39 orang kakitangan mengambil bahagian dalam kurus tersebut.
  
9. Selain itu, Kursus Semangat Kerja Berpasukan Siri 1/2022 dan Siri 2/2022 Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 4-6 Julai 2022 dan 18-20 Julai bertempat di PD Forest, Sungai Menyala, Port Dickson. Kursus ini melibatkan 42 orang kakitangan. Antara objektif kursus ini ialah;
  - I. Mengenal potensi, kelebihan dan kelemahan diri dan kesannya dalam pasukan.
  - II. Mengeratkan silaturahim diantara semua kakitangan di antara jabatan.
  - III. Komunikasi yang efektif di antara semua pihak dan peringkat.
  - IV. Memahami dan menghormati fungsi setiap kakitangan dan menyedari kepentingan bekerjasama dalam satu organisasi yang sama.

*Sumber: Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **PELAPORAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

### **PELANTIKAN PIHAK PENGURUSAN TERMINAL 1**

10. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Majlis Bandaraya Seremban (MBS) selaku pemilik kepada Pusat Pengangkutan Terminal 1 (PPT1) Seremban telah melantik pihak pengurusan yang baru bermula pada 1 Julai 2022.
  
11. Pihak pengurusan tersebut telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan keseluruhan PPT1 merangkumi urusan keluar masuk bas, tempat letak kereta dan motosikal, gerai-gerai dan kaunter tiket, surau, tandas, kawalan keselamatan dan juga dari aspek kebersihan,
  
12. Pihak pengurusan PPT1 telah siap memasang peralatan di tempat letak kereta, bas dan motosikal pada 8 Julai 2022 yang lalu bagi memudahkan urusan keluar masuk kenderaan di PPT1. Selaras dengan perkembangan semasa pada masa kini, pihak MBS telah mengarahkan supaya peralatan yang dipasang tersebut adalah secara tanpa tunai (cashless). Pihak pengurusan PPT1 telah diminta untuk mengkhaskan kakitangan bagi membantu pengguna yang menghadapi masalah berkaitan pelaksanaan tersebut.

13. Selain itu, pihak pengurusan juga akan meningkatkan lagi kerja-kerja pembersihan di PPT1. Ianya termasuk kebersihan tempat menunggu bas kerusi-kerusi yang disediakan, tandas, surau dan kawasan tempat letak kereta serta motosikal.
14. Pihak pengurusan PPT1 amat mengalu-alukan sebarang cadangan daripada orang awam bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang disediakan di talian hotline pengurusan PPT1 iaitu 012-5902376 atau boleh diamelkan ke [terminal1seremban@gmail.com](mailto:terminal1seremban@gmail.com).
15. Pihak pengurusan juga berharap kepada pengguna di PPT1 supaya dapat menjaga kebersihan dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada mereka yang tidak beretika seperti membuang sampah merata-rata dan juga menghisap rokok di kawasan tersebut.

*Sumber: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PELAPORAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

Majlis Penyerahan Projek (Sign Off) Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Bandaraya Seremban 2021-2025

16. Majlis Penyerahan Projek (*Sign Off*) Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Bandaraya Seremban 2021-2025 telah diadakan pada 22 Julai 2022 (Jumaat) di Klana Resort, Seremban. Objektif majlis ini diadakan untuk mengesahkan penamatan projek Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Bandaraya Seremban 2021-2025 antara Majlis Bandaraya Seremban dengan pasukan khidmat nasihat Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM), PSUKNS.
17. Turut hadir semasa majlis berlangsung ialah:
  - i. Setiausaha MBS, Tuan Mas Midyawan bin Yahya merangkap Pengarah Projek PSP MBS 2021-2025.
  - ii. Puan Aida Nora bt Ismail merangkap ketua pasukan khidmat nasihat daripada UPTM PSUKNS serta ahli pasukannya.
  - iii. Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi MBS, Pn. Hanizah bt Hassan merangkap Pengurus Projek PSP MBS 2021-2025.

Ketua-ketua jabatan dan ketua unit MBS serta ahli pasukan Struktur Tadbir Urus Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MBS 2021-2025.

*Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi*

## **PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

18. Sehingga minggu ke 26, sebanyak 523 kes demam denggi dan 2 kes kematian yang dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah. Sehingga 30 Jun 2022, Majlis telah menjalankan aktiviti kawalan fogging sebanyak 30,482 premis, ULV 46,089 premis, larvacing di 43 lokaliti, source reduction di 43 lokaliti dan gotong royong di 43 taman. Laporan aktiviti sanitasi dan disinfeksi sehingga 30 Jun 2022 adalah sebanyak 250 sanitasi dan 287 disinfeksi.
19. Sehingga 14 Julai 2022, kedudukan terkini Tanah Perkuburan Islam Ainsdale, sebanyak 238 kematian biasa dan 510 kematian covid-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 128 kematian biasa dan 23 kematian covid-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2, sebanyak 162 kematian biasa direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai, sehingga 14 Julai 2022, tiada jenazah dikebumikan di tanah perkuburan ini.
20. Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Gerai dan Pasar telah mengadakan Temuduga Gerai dan Pasar telah diadakan pada 30 Jun 2022 di Bilik Mesyuarat Serai Wangi, Majlis Bandaraya Seremban Cawangan Nilai yang dianggotai oleh panel-panel yang terdiri daripada Ahli Majlis kawasan. Temuduga ini dipengerusikan oleh **Encik Ho Weng Wah** dan **Encik Ahmad Izzudin bin Ismail**. Bilangan gerai dan pasar kosong yang ditawarkan adalah sebanyak 21 unit. Jumlah

permohonan yang diterima adalah sebanyak 52 permohonan dan yang hadir pada sesi temuduga tersebut adalah seramai 36 orang.

21. Selain itu, Temuduga Gerai dan Pasar telah diadakan pada 4 dan 5 Julai 2022 di Bilik Pameran Dewan Majlis Bandaraya Seremban yang dianggotai oleh panel-panel yang terdiri daripada Ahli Majlis kawasan. Temuduga pada sesi ini dipengerusikan oleh **Encik Husnul Hafiz bin Abu Bakar**, **Encik Gary @ Marimuthu a/l Navappan** dan **Encik Abdul Malek bin Adam**. Bilangan gerai dan pasar yang kosong yang ditawarkan adalah sebanyak 87 unit. Jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 122 permohonan dan yang hadir pada sesi temuduga tersebut adalah seramai 86 orang.
22. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat , Peringkat Negeri, Negeri Sembilan 2022 bagi kategori A iaitu Medan Selera Pihak Berkuasa Tempatan/ Agensi Kerajaan. **Medan Selera Penghulu Cantik** telah menjadi johan bagi kategori tersebut dan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.00 manakala **Medan Selera Tiara Biz** menjadi naib johan dan membawa pulang hadiah wang tunai RM750.00. Saya menyeru agar anugerah yang diterima ini dapat dikekalkan dan setiasa berada dalam keadaan Bersih dan Selamat.

*Sumber: Jabatan Pembersihan Dan Kesihatan Persekutuan*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN UNIT PESURUH JAYA BANGUNAN (UNIT COB)**

### **SEMINAR PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN STRATA 2022**

23. Unit Pesuruhjaya Bangunan (Unit COB) Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan Seminar Pembangunan dan Pengurusan Strata 2022 pada 30 Jun 2022 bertempat di Klana Resort Seremban. Seminar ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan serta penerangan lanjut dan khusus berkaitan pengurusan bangunan berstrata di kawasan Seremban dan Nilai.
24. Seramai 4 orang penceramah dijemput ke seminar ini yang terdiri daripada penceramah swasta dan kerajaan. Penceramah yang terlibat ialah:
- I. Dato Sr. Dr. Azimuddin bin Bahari  
Mantan Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU)  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
  - II. Tuan Mohamad Irza bin Dahari@Zahari  
Pengarah Bahagian Pengurusan Strata, Jabatan Perumahan Negara.
  - III. Sr. Kamarol Azmil bin Adzhan  
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
  - IV. Sr. Dr. Syamilah binti Yacob  
Jurukur Bangunan Kanan  
Jabatan Kerja Raya Malaysia

25. Seminar ini juga disertakan dengan sesi ‘*Armchair Discussions*’ di mana ia memberi peluang kepada para peserta untuk bertanyakan soalan kepada panel penceramah berkaitan isu-isu pembangunan dan pengurusan strata yang turut serta dalam sesi ini. Unit COB telah berjaya mensasarkan peserta seramai 200 orang untuk menghadiri seminar ini yang terdiri daripada pemaju, penilai, pengurus harta tanah, jurukur tanah kontraktor dan agensi kerajaan yang berkaitan.

#### SEMINAR PENGURUSAN STRATA

26. Seminar Pengurusan Strata telah di adakan pada 21 Jun 2022 bertempat di Bilik Waris Klana di Hulu, Wisma MBS. Tujuan seminar ini di adakan adalah untuk memberi pengetahuan dan pemahaman secara terperinci tentang pengiraan unit syer, caj penyenggaraan dan kumpulan wang penjelas (sinking fund) dan tatacara kutipan caj penyenggaraan dan tunggakan caj kepada pemaju dan badan pengurusan.
27. Penceramah jemputan pada seminar ini ialah **Encik Mohamad Shahidan bin Hashim**, Pengarah Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Sepang dan wakil daripada Jabatan Kawalan Bangunan MBS. Seramai 60 orang peserta seminar yang hadir terdiri daripada pemaju dan badan pengurusan dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban.

*Sumber: Unit Pesuruhjaya Bangunan COB*

## **PELAPORAN UNIT AUDIT DALAM**

28. Pada 2 Jun 2022, Unit Audit Dalam MBS telah menjalankan Pengauditan Pematuhan Garis Panduan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Kolam Renang Awam - Pusat Akuatik Negeri. Pengauditan ini dijalankan oleh JKT hasil dari semakan dan penilaian yang dijalankan semasa pengauditan adalah pada tahap tidak memuaskan dan UAD adalah sebagai pegawai pengiring.
29. Selain itu, Sesi Taskforce Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) bersama Unit Komunikasi Korporat telah dijalankan pada 7 hingga 10 Jun 2022 bagi mengemaskini dokumen. Unit Audit Dalam telah bertindak sebagai pegawai pengiring dalam Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang di jalankan oleh KPKT pada 27 Jun 2022.
30. Pada 6 hingga 8 Julai 2022 telah diadakan Kursus Pengurusan Risiko & Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 di Royal Chulan, Cherating. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dalam tatacara pengauditan dalaman kepada kakitangan yang dipilih dalam setiap Jabatan.

*Sumber: Unit Audit Dalam*

## **PENUTUP**

YBhg. Dato' Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

31. Saya berharap dengan pelantikan semula dan baru Ahli Majls akan melahirkan satu semangat baru yang dapat membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan bandaraya yang terbaik dalam lokaliti masing-masing. Melalui kerjasama seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban segala isu dan permasalahan dapat diatasi serta ditangani dengan lebih berkesan. Seterusnya, kemampuan dalam menguruskan tenggungjawab ini akan membentuk imej Majlis sebagai penyampai perkhidmatan terbaik dan memenuhi ekspektasi komuniti setempat.
  
32. Akhir kata, semoga segala usaha kita dalam memajukan dan menambahbaik Bandaraya Seremban untuk membawa manfaat kepada warga bandar raya terus dipermudahkan dan memperolehi pencapaian Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih dan Berdaya Maju.

Sekian, Terima Kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
27 JULAI 2022**